

## 5.0 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PENSIJILAN

### 5.1 RUJUKAN MODEL KOMPETENSI

Penetapan tahap pentauliahan bagi program Pensijilan Kompetensi Teknikal JKR ini dirujuk daripada definisi yang digariskan di dalam dokumen *COMPETENCY MODEL & DICTIONARY JKR MALAYSIA 20700-0285-17 (Revision 1-2017)*.

**Bagi program pensijilan ini, penilaian dan pentauliahan dilaksana untuk Tahap 2, 3 dan 4 sahaja seperti tertera dalam Jadual 1.**

**Jadual 1: Tahap Program Pensijilan Kompetensi JKR dan Definisi**

TAHAP	DEFINISI	KETERANGAN
2	Asas	Anda masih dalam proses belajar atau hanya mempunyai sedikit pendedahan atau pengetahuan asas atau sedikit amalan yang berkaitan. Anda mampu menganalisa dan menterjemahkan maklumat. Penyeliaan masih diperlukan. Anda mengetahui di mana untuk mendapatkan bantuan.
3	Kompeten	Anda berupaya mengamal teknik secara langsung dan menggunakan kaedah ( <i>tools</i> ) secara berdikari. Penyeliaan diperlukan dari semasa ke semasa. Anda berupaya untuk mengenalpasti isu, menjangka masalah dan memberikan penjelasan/alasan. Anda bekerja dengan para pengamal lain dalam kemahiran bidang khusus.
4	Mahir	Anda mempunyai pengamalan yang luas dan berupaya untuk menyelia pengamal lain. Anda menunjukkan kemahiran secara berdikari hampir sepanjang masa. Anda berupaya untuk mengenalpasti isu, menjangka masalah dan menghuraikan penjelasan. Anda bekerja dengan para pengamal lain dalam kemahiran bidang khusus.

## 5.2 SYARAT KELAYAKAN ASAS PENSIJILAN

Program pensijilan ini terbuka kepada pegawai Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana JKR Malaysia yang terlibat dalam memberi perkhidmatan teknikal kepada *stakeholder* JKR, sama ada yang berkhidmat di JKR atau agensi Kerajaan lain (Pegawai Kader).

Pemohon hendaklah memenuhi syarat kelayakan asas, yang meliputi aspek seperti pengalaman kerja, kelayakan akademik, mengikuti kursus wajib pensijilan dan pendaftaran dengan pertubuhan profesional, mengikut tahap pensijilan sebagaimana ditetapkan di **Jadual 2**.

Pemohon yang memenuhi syarat kelayakan asas ini adalah layak untuk menghadiri sesi penilaian atau temuduga oleh Panel Penilai.

**Jadual 2: Syarat Kelayakan Asas Pensijilan**

Bil	Bidang Pensijilan	Tahap	Syarat Kelayakan						Kelayakan Akademik (Minima – Jurusan berkenaan)	Pendaftaran dengan Pertubuhan Profesional (Cth: LJM, LAM, LJUBM)	Hadir Kursus Wajib
			Gred Jawatan	Pengalaman			Kelayakan Akademik (Minima – Jurusan berkenaan)	Pendaftaran dengan Pertubuhan Profesional (Cth: LJM, LAM, LJUBM)			
				Kerja di JKR (Tahun minima)	Kerja Dalam Bidang (Tahun minima)	Penceramah / fasilitator / Pembentang Kertas Kerja/ Mentor/ Penulis					
1	Semua bidang	4	≥ J41	10 (P&P)	5	√	Sarjana Muda	Keahlian profesional	Rujuk Lampiran 1		
2	Semua bidang	3	≥ J41	6 (P&P)	3	X	Sarjana Muda	Berdaftar			
3	Bidang Arkitek:	3	≥ JA29	7	5	X	Diploma	X			
	• Senibina Landskap										
	• Hiasan Dalaman										
3	Bidang Pelbagai:	3	≥JA29	5	5	X	Diploma	X			
	• BIM										
	• BIM										
4	Semua bidang	2	≥ J41	3	2	X	Sarjana Muda	Berdaftar			
	Bidang Arkitek:		≥ JA29	6	4	X	Diploma	X			
			• Multimedia Senibina (MS)	≥ JA22	2	2	X	Diploma	X		
			• Hiasan Dalaman	≥ JA29	2	2	X	Diploma	X		
			• Senibina Landskap	≥ JA29	6	4	X	Diploma	X		
Bidang Pelbagai:	≥JA17	1	1	X	Sijil	X					

### **5.2.1 Pengalaman Kerja**

Pengalaman Kerja di JKR: Calon hendaklah mempunyai pengalaman kerja di JKR Cawangan/Negeri atau agensi Kerajaan lain (Pegawai kader) sekurang-kurangnya untuk tempoh seperti ditetapkan di dalam Jadual 2.

Pengalaman Kerja dalam Bidang: Calon hendaklah mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang pensijilan yang dimohon sekurang-kurangnya untuk tempoh seperti ditetapkan di dalam Jadual 2. Pengalaman yang diambil kira tidak terhad kepada pengalaman bekerja di pejabat tertentu JKR, pengalaman bekerja di organisasi lain termasuk di sektor swasta yang serupa juga boleh diambil kira bagi memenuhi syarat ini.

Penceramah/Fasilitator/Pembentang Kertas Kerja/Penulis: Calon yang memohon pensijilan Tahap 4 hendaklah mempunyai pengalaman dalam memberi ceramah/tenaga pengajar atau menjadi fasilitator bagi kursus teknikal dalam bidang berkenaan, atau pun mempunyai pengalaman menjadi mentor.

### **5.2.2 Kursus Wajib Pensijilan**

Bagi memastikan bahawa pemohon telah dilatih secara terancang dan sistematik, mereka dikehendaki menyertai kursus-kursus teknikal yang ditetapkan dan bersesuaian dengan tahap pensijilan yang dimohon.

Senarai kursus wajib pensijilan, yang dianjurkan oleh CREaTE atau JKR, mengikut bidang kompetensi, adalah seperti di **Lampiran 1**. Sebagai syarat asas pensijilan, pemohon hendaklah menghadiri dan memiliki sijil kursus-kursus tersebut atau kursus setaraf atau lebih tinggi.

Kursus-kursus swasta yang menawarkan topik yang sama dan yang setaraf atau lebih tinggi, boleh diambilkira sebagai pematuhan kepada syarat asas pensijilan dan perlu semakan serta pengesahan oleh pemilik kompetensi/pegawai kompeten sebelum mengemukakan Borang Permohonan (Lampiran 3). Pemohon, disamping mengemukakan salinan sijil kursus swasta, hendaklah juga mengemukakan salinan brosur/maklumat kursus yang antaranya mengandungi maklumat mengenai penganjur, pengenalan kursus, objektif kursus dan kandungan kursus.

**Tempoh sah laku kursus yang dihadiri adalah lima (5) tahun dari tarikh program pensijilan dihebahkan atau dipelawa.**